

27/04/1999

KDNK Melaka dijangka melepasi sifar

MELAKA, Isnin - Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi negeri ini dijangka melepasi paras sifar, iaitu sekitar satu atau dua peratus pada tahun ini, kata Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin.

Menurut Abu Zahar, ramalan itu dibuat berdasarkan petunjuk yang diperolehi melalui kemasukan beberapa pelabur asing yang berminat melabur modal di negeri ini.

Katanya, walaupun negara mengalami kegawatan ekonomi sejak pertengahan 1997, kesannya tidak begitu ketara kerana kegiatan industri dan pelancongan masih menunjukkan peningkatan.

Malah beliau berkata, ada antara firma sedia ada, bertindak membesarkan lagi premis masing-masing bagi membolehkan pengeluaran kilang dilipatgandakan.

"Keadaan ini menampakkan satu perkembangan sihat dan jika keadaan ini berterusan, usaha memulihkan semula ekonomi negara akan berjaya," katanya selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Alor Gajah, di sini, petang semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sewaktu membentangkan laporan kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, tempoh hari bahawa ekonomi negara dijangka mengalami pertumbuhan lima peratus tahun depan.

Menurut Abu Zahar, kegiatan industri, khususnya dalam bidang pembuatan, diramal mengalami pertambahan paling pesat berikutan permintaan yang tinggi di pasaran.

Katanya, kemasukan pelancong asing, khususnya dari Singapura ke Melaka turut meningkat berikutan kegiatan promosi yang dilakukan oleh kerajaan negeri.

Beliau memberitahu, kempen menarik pelancong asing untuk datang dan bermalam di Melaka menampakkan kejayaan kerana banyak bilik di hotel dan rumah tumpangan habis ditempah, terutama pada hujung minggu.

"Sungguhpun secara keseluruhan, industri pelancongan negara mengalami kemerosotan, masalah ini tidak berlaku di Melaka," katanya.

Sehubungan itu, Abu Zahar menasihatkan orang ramai supaya terus yakin dan memberi sokongan penuh terhadap usaha yang dilakukan kerajaan untuk memulihkan semula ekonomi negara.

(END)